



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PEMERIKSA (D.1-2-3 EB.4-5)  
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DI RAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PEGAWAI PEMERIKSA  
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = LIMA (05)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.


**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Hendaklah berumur 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 25 tahun.
3. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).
4. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.
5. Mempunyai kebolehan mengendalikan komputer dan fasih bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
6. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, dikehendaki lulus peperiksaan dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.



**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Memeriksa barang keluar masuk;
2. Membuat kerja pencegahan;
3. Membuat resit dan mengutip cukai;
4. Membuat rondaan darat dan laut;
5. Mendaftar dan meneliti deklarasi;
6. Menerima dan memproses *Approval Permit (A.P)* dan permohonan tarikan balik cukai;
7. Melakukan kerja-kerja perkeranian; dan
8. Menerima arahan kerja dari pegawai atasan dari semasa ke semasa.